

Perkhidmatan Pewarisan ASNB



Peninggalan bermakna untuk yang tersayang. Mudahkan mereka membuat tuntutan selepas ketiadaan anda.



Hibah Amanah & Pengisytiharan Amanah ASNB

Hibah Amanah & Pengisytiharan Amanah adalah perkhidmatan pewarisan unit amanah ASNB untuk memudahkan pembahagian harta pusaka selepas kematian.

Konsep & kelayakan

Hibah Amanah

KONSEP

Berkonsep hibah & amanah berlandaskan Syariah di mana pemegang unit melantik Pemegang Amanah (ASNB) melalui sifah & Surat Ikatan Hibah Amanah bagi mentadbir harta (pelaburan unit amanah) selepas kematian pemberi (pemegang unit).

KELAYAKAN

Beragama Islam

Pengisytiharan Amanah

KONSEP

Pengisytiharan Amanah adalah perkhidmatan pewarisan berkoncepsyen amanah di mana pemegang unit melantik Pemegang Amanah (ASNB) melalui Surat Ikatan Amanah bagi mentadbir harta (pelaburan unit amanah) dan mengagihkan kepada penerima selepas kematian pemegang unit.

KELAYAKAN

Bukan beragama Islam

Perkhidmatan pewarisan untuk anda dan yang tersayang

Proses tuntutan yang pantas

Proses tuntutan yang mudah dan boleh dilengkapkan dalam tempoh 21 hari sahaja. Hanya dokumen minimum yang diperlukan.

Kawalan penuh

Persediaan awal untuk yang tersayang di samping mendapat kawalan dan manfaat penuh ke atas seluruh pelaburan anda.

Hak mutlak untuk tuntutan

Pembahagian adalah mutlak dan tertakluk kepada surat ikatan amanah. Yakinlah bahawa harta pusaka anda akan diagihkan kepada penerima yang dihasratkan (maksimum 10 penerima).

Nilai harta pusaka yang optimum

Penerima mendapat lebih nilai atas harta pusaka yang diterima kerana yuran tuntutan yang rendah.

Tuntutan harta pusaka hanya dalam 21 hari



Kadar yuran

YURAN OPERASI

KADAR

- | | |
|---|---------------|
| 1. Pendaftaran (Kontrak pertama)
Pendaftaran (Kontrak ke-2 dan berikutnya) | RM180
RM90 |
| 2. Pentadbiran (Tahunan)* | RM10 |
| 3. Tambahan atau pindaan penerima/penjaga sah/unit amanah | RM20 |
| 4. Pembatalan (per kontrak) | RM70 |

YURAN TUNTUTAN**

KADAR

- | | |
|------------------------|--------------------------|
| Jumlah baki pelaburan: | |
| RM25,000 pertama | 1.50% (maksimum RM375) |
| RM225,000 berikutnya | 1.00% (maksimum RM2,250) |
| RM250,000 berikutnya | 0.50% (maksimum RM1,250) |
| RM500,000 berikutnya | 0.25% (maksimum RM1,250) |
| Baki selebihnya | 0.10% |

CONTOH PENGIRAAN YURAN TUNTUTAN

Andaian:

Baki pegangan pelaburan: RM200,000

Yuran tuntutan

Jumlah baki pelaburan pada 1.50% = RM375

RM225,000 berikutnya pada 1.00% = RM1,750

RM175,000 berikutnya pada 0.50% = RM1,250

Jumlah yuran = RM2,125

* Ditolak setiap tahun daripada tabung unit amanah yang dipilih semasa pendaftaran Hibah Amanah/Pengisytiharan Amanah, tertakluk kepada terma & syarat terkini

** Ditolak daripada baki pelaburan sebelum diagihkan kepada Penerima

Semua urusan perancangan harta dan perundangan diselesaikan semasa hidup. Waris tidak perlu lagi melalui proses perundangan selepas kematian pemberi.

Terma & syarat

HIBAH AMANAH	PENGISYTIHARAN AMANAH
Pemberi	<ul style="list-style-type: none">Pemegang unit ASNB berumur 18 tahun dan ke atasMempunyai baki pelaburan minimum 1,000 unit (tidak termasuk unit bercagar/pinjaman/Skim Pelaburan Ahli KWSP)
Penerima	<ul style="list-style-type: none">Individu sahajaMaksimum sehingga 10 orang penerimaPenjaga sah perlu dilantik untuk penerima berumur bawah 18 tahun
Unit perlu dikenalkan	1,000 unit perlu dikenalkan sepanjang tempoh kontrak Hibah Amanah/Pengisytiharan Amanah bagi tabung unit amanah yang terlibat.
Peratus pegangan boleh diagihkan	Kesemua 100% pegangan unit milik penuh pemberi (kecuali unit bercagar) kepada semua penerima yang disenaraikan.
Pembentayaan/Bercagar	Unit yang bercagar/pembentayaan adalah tertakluk kepada perjanjian antara pemegang.
Hak ASNB	ASNB berhak menarik balik perjanjian Hibah Amanah/Pengisytiharan Amanah atau hilang kelayakan sebagai pemegang unit ASNB.
Pembatalan	Dibolehkan bagi hibah kepada anak/cucu kandung. Selain daripada tersebut, persetujuan bersama adalah diperlukan.
	Boleh, mengikut budi bicara dan keperluan pemberi.

Cara memohon

2 cara mudah mendaftar Hibah Amanah/Pengisytiharan Amanah

(A) Pra-daftar dalam talian

(B) Mohon terus di Cawangan ASNB/Maybank

LANGKAH 1

Pra-daftar dalam talian di portal myASNB

LANGKAH 2

Cetak dan lengkapkan dokumen

LANGKAH 3

Serah permohonan lengkap

Kemukakan permohonan lengkap berserta yuran pendaftaran di mana-mana cawangan ASNB/Maybank

03-7730 8899 | www.asnb.com.my



Amanah Saham Nasional Berhad



ASNBmu



ASNBmu

Amanah Saham Nasional Berhad | 197901003200 (47457-V) • Sarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad | 197801001190 (38218-X)
Sebelum menandatangi sebarang dokumen, pemegang unit dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Hibah Amanah/Pengisytiharan Amanah yang terkandung dalam surat ikatan, borang dan dokumen yang berkaitan dengan perkhidmatan ini.



Hibah Amanah



Pengisytiharan Amanah

